



**KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD**

**TEKS UCAPAN  
YB TUAN LOKE SIEW FOOK  
MENTERI PENGANGKUTAN**

**MAJLIS PELUNCURAN OPERASI LOKOMOTIF DAN GERABAK  
PAJAKAN SECARA "PAY-AS-USE" UNTUK PERKHIDMATAN  
KERETA API KARGO**

**PADA  
27 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)  
STESEN SENTUL**

**SALUTASI (Akan dikemaskini)**

**Yang Berhormat Datuk Haji Hasbi Bin Haji Habibollah**

Timbalan Menteri Pengangkutan

**Yang Berbahagia Dato' Jana Santhiran Muniayan**

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan

**Yang Berbahagia Datuk Azlan Shah Al Bakri**

Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat

**Yang Berbahagia Dato' Azhar bin Ahmad**

Ketua Pegawai Eksekutif RAC

**Yang Berbahagia Datuk Mohd Rani Hisham bin Samsudin**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Keretapi Tanah Melayu Berhad  
(KTMB)

**Yang Berbahagia Datuk P. K Nara**

Pengerusi dan Pengarah Urusan SMH Rail Sdn. Bhd.

Yang Berbahagia barisan Ahli-ahli Lembaga Pengarah KTMB, RAC

dan SMH Rail.

Ketua-ketua jabatan dan agensi, rakan-rakan pemegang taruh,

Rakan-rakan media

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

1. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada tetamu-tetamu kehormat, tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir menyaksikan Majlis Peluncuran Operasi Lokomotif dan Gerabak Pajakan Secara “Pay-As-Use” untuk Perkhidmatan Kereta Api Kargo pada hari yang berbahagia ini. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pemain industri perkeretapiian negara, termasuk industri perbankan, yang telah banyak membantu dalam merealisasikan inisiatif ini. Kepercayaan penuh sektor kewangan terhadap pembangunan industri rel negara membuktikan bahawa industri ini berdaya maju dan mempunyai masa depan yang cerah.
2. Penganjuran majlis ini adalah susulan kepada pemeteraian kontrak Pay-As-Use yang telah ditandatangani antara RAC dan SMH Rail pada 16 Mac 2024, serta perjanjian kontrak jangka panjang antara KTMB dan SMH Rail yang dimeterai pada suku ketiga 2024. Inisiatif ini merupakan satu langkah besar dalam memperkasakan sektor rel, khususnya operasi perkeretapiian kargo sebagai mod pengangkutan yang lebih mampan dan berdaya saing. Ini juga membuktikan bahawa kerjasama sektor awam dan swasta mampu menjana pertumbuhan ekonomi tanpa kebergantungan sepenuhnya kepada dana Kerajaan.

## Rel Sebagai Pemacu Rantaian Bekalan Logistik

3. Hadirin sekalian, pengangkutan rel terus memainkan peranan penting dalam rantaian bekalan logistik domestik dan antarabangsa. Walaupun terdapat peningkatan penggunaan mod pengangkutan lain seperti jalan raya, rel kekal sebagai pilihan utama bagi penghantaran muatan besar yang lebih kos efektif dan selamat.
4. Nilai tambah pengangkutan rel merangkumi kecekapan operasi, keberkesanan kos logistik, serta keupayaan membawa muatan dalam jumlah besar dengan tahap keselamatan yang tinggi. Lebih penting lagi, rel adalah mod pengangkutan rendah karbon yang menyokong sasaran Kerajaan untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang tahun 2050.

## Pencapaian dan Sasaran Pertumbuhan KTMB

5. Sebagai bukti kepada potensi pertumbuhan sektor ini, pada tahun 2024, KTMB telah mengendalikan 6 juta tan kargo, meningkat 15% berbanding 2023. Dengan pemulihan ekonomi negara serta pertumbuhan perdagangan serantau, KTMB menjangkakan pertumbuhan sebanyak 10% setiap tahun bagi pengendalian kargo domestik dan rentas sempadan melalui pengangkutan rel.
6. Untuk mencapai sasaran ini, RAC dan KTMB telah melaksanakan inisiatif memajak lokomotif dan gerabak secara

“Pay-As-Use” bagi tempoh jangka panjang dengan sokongan penuh sektor swasta, tanpa menggunakan dana awam.

7. Model pajakan ini adalah satu pendekatan baharu dan strategik dalam menyokong operasi pengangkutan rel kargo. Ia bukan sahaja mengurangkan kebergantungan terhadap peruntukan Kerajaan, malah menyediakan sistem pengangkutan rel yang lebih mampan, fleksibel, dan berdaya saing.

#### Peranan Sektor Swasta dalam Pembangunan Industri Rel

8. SMH Rail Sdn. Bhd., sebagai penyedia perkhidmatan pajakan ini, telah membuktikan keupayaan syarikat tempatan dalam pembuatan, pemasangan, serta penyelenggaraan lokomotif dan gerabak. Dengan pengalaman lebih 25 tahun dalam industri, mereka membuktikan bahawa syarikat tempatan mampu bersaing dengan pemain antarabangsa, sekaligus mengukuhkan keyakinan terhadap industri rel negara.

9. Melalui inisiatif ini:

- Sebanyak 44 lokomotif milik RAC akan dibaik pulih dan diperbaharui sebelum dipajak semula kepada KTMB.
- Enam (6) lokomotif baharu akan dipajak terus oleh SMH Rail kepada KTMB.
- Sebanyak 450 gerabak baharu — 246 unit milik RAC dan 204 unit milik KTMB — masing-masing dengan kapasiti 20-tonne axle load dan keupayaan membawa sehingga 60 tan satu gerabak akan tersedia untuk disewa bagi pengangkutan kargo.

10. Program pajakan ini juga akan memberi manfaat kepada vendor-vendor tempatan yang bekerjasama dengan SMH Rail dalam pelaksanaan kerja-kerja Maintenance, Repair, dan Overhaul (MRO) sepanjang tempoh pajakan. Ini akan meningkatkan keupayaan industri tempatan, memperkuuh ekonomi negara, serta mempercepatkan pertumbuhan sektor pengangkutan rel.

#### Pengukuhan Infrastruktur dan Masa Depan Pengangkutan Rel

11. Infrastruktur rel yang dipertingkatkan bukan sahaja meningkatkan kecekapan operasi, tetapi juga membuka lebih banyak peluang dalam sektor logistik dan perdagangan.

12. Sebagai sokongan kepada perkembangan ini, Kerajaan akan terus memperkuuhkan program pajakan lokomotif dan gerabak dengan kerjasama sektor swasta tempatan. Ini akan membolehkan pengendali kargo mengakses aset berkualiti tanpa bebanan kewangan yang tinggi, sekaligus menjadikan industri rel lebih kompetitif dan berdaya tahan.

13. Tambahan pula, peningkatan operasi kereta api kargo akan mengoptimumkan penggunaan kapasiti landasan yang ketika ini hanya sekitar 30%. Dengan pertambahan tren kargo, kita menjangkakan kadar penggunaan ini meningkat, sekaligus memastikan pelaburan Kerajaan dalam infrastruktur rel dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

14. Dari sudut kesan terhadap alam sekitar dan keselamatan jalan raya, satu tren kargo dengan 40 gerabak boleh menggantikan sekitar 80 lori di jalan raya. Ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan lalu lintas, malah meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 50g/km bagi setiap tan barang yang diangkut.

#### Penutup

15. Hadirin yang dihormati sekalian, saya yakin bahawa dengan kerjasama erat antara agensi Kerajaan, sektor swasta, dan industri perbankan, industri rel negara akan terus berkembang dan menjadi pilihan utama dalam pengangkutan kargo.

16. Saya juga berharap lebih banyak syarikat swasta akan mencontohi langkah SMH Rail dan menyertai usaha memperkasakan sektor ini. Kepercayaan penuh Kerajaan terhadap keupayaan industri tempatan akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negara, selaras dengan Dasar Pengangkutan Negara 2030 dan strategi Road to Rail.

17. Dengan sistem rel yang lebih moden, pembiayaan yang mampan, serta model pajakan yang fleksibel, saya yakin Malaysia berada di landasan yang tepat dalam membangunkan industri pengangkutan rel yang lebih cekap, selamat, dan berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

TAMAT